

Masih banyak kekosongan di IPTA

Oleh **Omar Ahmad** - Oktober 22, 2023 @ 12:34pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (dua dari kiri) melawat gerai pameran sempena perasmian UiTM Kampus Pasir Gudang di Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, hari ini. - Foto NSTP/Omar Ahmad.

JOHOR BAHRU: Semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) diarah membuat tawaran segera kepada pelajar tempatan yang memohon untuk melanjutkan pengajian di tempat masing-masing.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata ia berikutan terdapat banyak kekosongan tempat di institusi terbabit bagi sesi akademik 2023/2024.

Bagaimanapun katanya, hanya pelajar yang mempunyai kelayakan lulus asas boleh dipertimbangkan selain bergantung kepada tawaran sesebuah universiti.

"Saya telah meminta setiap universiti melihat supaya mana-mana pelajar yang layak tetapi tidak mendapat tempat di universiti baru-baru ini untuk ditawarkan walaupun hanya memiliki kelulusan asas.

"Ini adalah supaya tidak ada mana-mana pelajar tercicir dengan universiti memberi peluang sekali lagi kepada mereka. Tiada masalah kerana memang mereka layak, hanya tidak mendapat tempat.

"Seperti di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Pasir Gudang di sini, ia mempunyai kapasiti 4,000 kemasukkan pelajar baru tetapi hanya ada dalam 3,100 pelajar yang ditawarkan.

"Ini bukan makna hendak diisi semua sekali itu, sebaliknya dia mesti layak. Kita beri peluang kepada pelajar tempatan," katanya selepas merasmikan Kampus UiTM Pasir Gudang di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled, perkara itu sudah dimaklumkan kepada semua pengurusan IPTA terbabit.

Katanya kemasukkan atau tawaran kepada pemohon perlu dibuat secepat mungkin bagi mengelak pihak berkenaan tercicir pelajaran.

"Kita tidak boleh longgarkan syarat, kemasukkan tetap berasaskan merit. Tempoh masa tawaran kepada pelajar yang layak ini terpulang kepada universiti.

"Tetapi supaya tidak tertinggal dalam pelajaran, seboleh-bolehnya dilakukan dalam waktu sekarang," katanya.